



*Memo*

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD**

**Kepada** : Semua Anggota LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047  
**Tarikh** : 2 Januari 2018

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
BILANGAN 1 TAHUN 2018**

**KADAR BERKANUN UNTUK CARUMAN SYER PEKERJA KEMBALI KE 11%  
MULAI UPAH/GAJI JANUARI 2018**


Kumpulan Wang Amanah Simpanan Pekerja (KWSP) telah memaklumkan bahawa kadar berkanun untuk caruman syer pekerja yang diturunkan kepada lapan (8) peratus bermula upah/gaji Mac 2016 (caruman April 2016) akan tamat pada upah/gaji bulan Disember 2017. Pengurangan kadar ini adalah berikutan pengumuman yang dibuat oleh Kerajaan pada 2016 semasa pembentangan Semakan Semula Bajet 2016 oleh YAB Perdana Menteri.

2. Sehubungan itu, berkuatkuasa untuk upah/gaji Januari 2018, kadar berkanun untuk caruman syer pekerja akan kembali ke kadar asal 11% untuk pekerja yang belum mencapai umur 60 tahun dan 5.5 peratus untuk pekerja yang berumur 60 tahun ke atas.

3. Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, anggota boleh merujuk laman web KWSP di [www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my) atau hubungi Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP di 03-89226000 atau kunjungi mana-mana cawangan KWSP yang terdekat.

Sekian, terima kasih.

**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**  
*KREATIF INOVATIF PROGRESIF*

  
(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)

s.k: YBhg. Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
Pengarah-Pengarah Bahagian  
Ketua Unit Kewangan dan Akaun